

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang **RHB SME Online Financing – P.I.N.T.A.S**

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga**



RHB BANK BERHAD

Registration No: 196501000373 (6171-M)

RHB ISLAMIC BANK BERHAD

Registration No: 200501003283 (680329-V)



Date :

1 Apakah yang ditawarkan oleh RHB SME Online Financing – P.I.N.T.A.S?

RHB SME Online Financing-P.I.N.T.A.S ialah Pinjaman Berjangka (Term Loan)/ Pembiayaan Komoditi Murabahah Berjangka-i (CMTF-i) yang ditawarkan untuk membantu keperluan pusingan modal perniagaan. SME Online Financing- P.I.N.T.A.S merupakan pinjaman/ pembiayaan tanpa cagaran dengan skim jaminan dan dikira berdasarkan kadar yang boleh berubah.

Konsep Syariah yang digunakan oleh CMTF-i adalah:

Komoditi Murabahah	Komoditi Murabahah adalah pengaturan Tawarruq antara RHB Islamic Bank Berhad ("Bank"), pelanggan, dan pembekal komoditi melalui broker. Transaksi berkenaan merujuk kepada perdagangan komoditi yang bertindak sebagai aset yang mendasari transaksi jual beli. Anda akan membuat pembayaran kepada Bank untuk harga jualan komoditi, yang terdiri daripada harga kos (" Harga Belian ") dan jumlah keuntungan secara tertangguh. Dengan konsep Tawarruq, anda akan menerima hasil sebagai pertukaran untuk komoditi yang dijual kepada pihak ketiga. Perolehan akan digunakan untuk membiayai modal pusingan anda.
Tawarruq	Tawarruq terdiri daripada dua (2) kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli atas dasar tertangguh. Selepas itu, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lani.
Wakalah	Wakalah merujuk kepada kontrak di mana suatu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa fi.

2 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk RHB SME Online Financing – P.I.N.T.A.S:

- Amaun pinjaman/ pembiayaan anda: **RM** _____
- Ansuran bulanan anda : **RM** _____
- Tempoh Pinjaman/pembiayaan anda : _____ tahun
- Kadar Faedah/Keuntungan: _____ % setahun
- Margin pembiayaan : _____ %
- Kadar Pinjaman/Pembiayaan Asas Semasa (BLR/BFR)*: _____ %

Secara keseluruhan anda akan membayar RM _____ pada akhir _____ tahun.

*Penting:

Ansuran bulanan dan jumlah bayaran balik/ pembayaran keseluruhan anda akan berubah sekiranya Kadar Pinjaman Asas/Kadar Pembiayaan Asas (BLR/BFR) berubah.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Duti setem:** Seperti yang ditetapkan di bawah Akta Setem 1949 (Disemak 1989).
- Fi Pembatalan:** Fi pembatalan sebanyak RM2,000 bagi Pinjaman Berjangka(Term Loan) /RM1,000 bagi Pembiayaan Komoditi Murabahah Berjangka-i (CMTF-i) perlu dibayar kepada Bank sekiranya kemudahan yang diberi dibatalkan pada bila-bila masa selepas penerimaan pembiayaan tersebut (tertakluk kepada penyediaan dokumentasi undang-undang telah bermula) dan sebelum pembayaran pembiayaan pertama. Fi pembatalan tersebut boleh ditolak secara automatik dari akaun anda dengan Bank mengikut budi bicara Bank.
- Premium Insurans/Takaful:** Sekiranya anda bersetuju untuk mengambil PSS/CLTT, sebutharga akan diberikan kepada anda. Jumlah ini akan ditolak secara automatik daripada jumlah pembiayaan anda.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani nya.



Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya semasa tempoh pembiayaan. Hubungi Bank jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Sila ambil maklum bahawa Kadar Polisi Semalaman (OPR) mungkin meningkat dan ini boleh menyebabkan ansuran bulanan anda menjadi lebih tinggi.



Hubungi Bank dengan segera, jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

NOTA PENTING:

Maklumat yang terkandung dalam Lembaran Pendedahan Produk ini diberikan secara umum, tanpa sebarang obligasi, dan adalah semata-mata untuk tujuan makluman sahaja. Kandungan ini adalah berdasarkan kepada beberapa andaian dan maklumat yang tersedia pada tarikh dokumen ini, yang kesemuanya tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu.

Dokumen ini mungkin diterjemahkan ke dalam bahasa selain daripada Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

***Nota:**

- Faedah/keuntungan dikira berdasarkan baki pinjaman/pembiayaan pada setiap hari.
- Kadar Faedah/keuntungan bagi pinjaman/pembiayaan ini mungkin berubah-ubah (disebabkan oleh BLR/BFR) dan akan berubah mengikut kesesuaian seperti yang diterbitkan oleh bank dari semasa ke semasa.

3

Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda gagal membayar ansuran bulanan anda?

- Denda pembayaran lewat/ta'widh sebanyak 1% setahun ke atas jumlah ansuran tertunggak akan dikenakan, menyebabkan jumlah tertunggak meningkat.
- Jika anda gagal membayar tiga (3) ansuran bulanan berturut-turut bagi Pinjaman Berjangka (*Term Loan*), kadar pinjaman boleh dinaikkan oleh Bank dengan notis bertulis terlebih dahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada anda. (*Tidak terpakai kepada CMTF-i*)
- Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun pinjaman ini (*jika ada*), dengan notis bertulis awal tujuh (7) hari kalendar kepada anda.
- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda jika anda gagal membalas notis peringatan. Sekuriti yang dicagarkan anda (harta/Simpanan Tetap) mungkin dilelong/ dicairkan dan anda perlu menanggung semua kos yang ditanggung berkaitan dengan perkara yang sama (*jika ada*). Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang baki selepas harta anda telah dirampas (*jika ada*).
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda yang membawa kepada kredit menjadi lebih sukar.
- Bank mempunyai hak untuk membatalkan pinjaman/pembiayaan dengan notis bertulis terlebih dahulu dan meminta anda menyelesaikan pinjaman sepenuhnya jika anda, rakan kongsi anda atau peminjam bersama anda meninggal dunia (untuk pemilik tunggal dan perkongsian).

Contoh Pengiraan BLR/BFR:

Kadar	Jika BLR/BFR* = ____%* + 3.00% (sebaran) = ____%	Jika BLR/BFR*naik 0.25% = ____%
Ansuran Bulanan	RM	RM
Jumlah kos faedah/keuntungan pada akhir ____ () tahun	RM	RM
Jumlah amaun bayaran balik/pembayaran pada akhir ____ () tahun	RM	RM

Nota: Ilustrasi di atas menunjukkan jumlah ansuran bulanan anda apabila bermulanya pembayaran penuh. Bagi hartanah dalam pembinaan dan/atau akaun pinjaman/pembiayaan yang belum selesai untuk pembayaran penuh, anda dijangka membayar faedah/keuntungan pada setiap bulan ke atas jumlah pinjaman tertunggak. Faedah/keuntungan akan dikira berdasarkan kadar pinjaman/pembiaya efektif semasa, atas baki harian, dan akan dicaj pada akhir bulan.

4

Lain-Lain Terma

a) Apakah cagararan/sekuriti diperlukan untuk mendapatkan pinjaman/pembiayaan?

- Tiada cagararan/sekuriti diperlukan.
- Sebahagian sekuriti daripada Skim Jaminan (iaitu 70% atau 80%)
 - a) Skim Jaminan diperuntukkan untuk Perniagaan Baru(Startup Business), bagi syarikat yang beroperasi antara 1 hingga 2 tahun*
 - b) Had pembiayaan Antara RM500K sehingga RM1,000K (syarikat beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun)*

*Walaubagaimanapun, yuran jaminan adalah ditanggung oleh pihak Bank.

b) Adakah saya/kami memerlukan penjamin?

- Ya, penjamin mestilah pengarah atau terlibat dalam pengurusan syarikat

c) Bagaimana jika saya/kami menyelesaikan pinjaman/pembiayaan sepenuhnya semasa penyelesaian awal dengan penalti?

- Tiada caj penyelesaian awal ke atas kemudahan ini. Oleh itu, tiada caj dikenakan ke atas penyelesaian awal kemudahan ini

d) Adakah saya/kami memerlukan sebarang perlindungan insurans/takaful?

- Anda digalakkan untuk mengambil Personal Smart Shield Plus (PSS) / Credit Level Term Takaful (CLTT) sebagai perlindungan bagi pinjaman/pembiayaan ini.

Nota: Sebut harga akan disediakan oleh kakitangan jualan kami untuk PSS/CLTT yang ditawarkan oleh panel penyedia insurans/takaful. Anda bebas menggunakan perkhidmatan pengendali insurans/takaful bukan panel. Walau bagaimanapun, bagi mengelakkan sebarang kelewatan dalam pemprosesan, adalah digalakkan untuk menggunakan panel insurans/takaful Bank.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai RHB SME Online Financing – P.I.N.T.A.S, anda boleh:



Hubungi kami di talian:
03-9206 8118



Kunjungi kami di:
<http://www.rhbgroup.com>



E-mel kami di:
customer.service@rhbgroupp.com



Imbas kod QR di atas